



LI 29 FPE 1 2002



1100033012
Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) / Nor Riza Nawi.

**PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100033012

1100033012		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalankan latihan industri semasa...

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

LI 29 FPE

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAJLIS
PERBANDARAN KUALA TERENGGANU (MPKT)**

**DISEDIAKAN OLEH
NOR RIZA BINTI NAWI**

Sarjana Muda Sains (Polisi Awam dan Sekitaran)

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2002

1100033012

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrohim. Segala puji bagi Allah, Tuhan Pentadbir seluruh Alam. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat baginda.

Jutaan terima kasih kepada pihak pentadbiran universiti, terutamanya bagi pihak pengurusan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Sekalung budi kepada urusetia atas usaha menempatkan pelatih di tapak industri hinggalah laporan ini disediakan tidak dapat dibalas. Begitu juga kepada Penyelia KUSTEM iaitu Cik Sharon Lim Sui-Lin terima kasih daun keladi diatas tunjuk ajar dan nasihat yang diberi tanpa rasa jemu.

Tidak ketinggalan kepada Pihak Pengurusan Majlis Perbandaraan Kuala Terengganu (MPKT) terutamanya di Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia. Terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada Encik Mat Azmi bin Arshad selaku Penyelia Industri yang banyak membantu dan memberi maklumat. Tidak dilupakan semua kakitangan di Jabatan Khidmat Pengurusan di atas pertolongan dan nasihat yang amat berharga.

Akhir qalam, segala pertolongan dan bantuan daripada semua hanya Allah S.W.T sahaja yang membalasnya dan semoga diberkati buat selamanya.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) merupakan Majlis yang menjaga, mengurus dan mentadbir kawasan dibawah pentadbirannya dari aspek keindahan keselamatan dan keselesaan. Sejarah MPKT bermula apabila ianya ditubuhkan pada 18 Januari 1979 setelah diistiharkan oleh pihak berkuasa negeri pada masa itu. Pengistiharan yang dilakukan adalah melalui Warta Kerajaan Bilangan 650 pada tarikh 21 Disember 1978 dalam Akta 171. Pada masa kini mukim yang menjadi kawasan Kawalan MPKT adalah berjumlah 23 Mukim kesemuanya bermula 16 Disember 1996. Manakala keluasan kawasan kawalan kini berjumlah 60 528 hektar persegi.

Majlis ini mempunyai lapan Jabatan pada masa sekarang dan 28 bahagian dibawahnya. Jawatan Tertinggi dalam Majlis ini di ketuai oleh Yang di Pertua iaitu Y.B. Dr. Hj. Sulaiman bin Hj. Abdulah. Beliau turut dibantu oleh Timbalan Yang di Pertua, Setiausaha dan Penolong Setiausaha.

Sepanjang menjalani Latihan pelatih ditempatkan di Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia dalam Jabatan Khidmat Pengurusan. Perbagai kemahiran yang telah pelatih pelajari terutamanya berkaitan dengan Pengurusan Sumber Manusia di MPKT.

Pelbagai masalah juga telah pelatih kenalpasti sepanjang menjadi warga sementara MPKT. Permasalahan-permasalahan tersebut adalah dari aspek sumber kewangan, kekurangan pekerja, sistem yang digunakan, hubungan dan sikap masyarakat serta penggunaan kaunter yang berasingan.

Antara cadangan yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah ini ialah dengan cara mengambil langkah perkongsian bersama untuk menjalankan aktiviti yang lebih bersifat kemasyarakatan. Selain itu cadangan lain ialah dengan cara mengalakkan pekerja kerja lebih masa, meningkatkan bilangan komputer dan penggunaannya, mewujudkan hubungan baik dengan semua pihak serta menggabungkan kaunter yang ada.

Namun begitu dalam usaha merealisasikan cadangan yang diberikan memerlukan kajian atau percubaan diperingkat yang kecil perlu dilakukan terlebih dahulu. Apabila ianya berjaya barulah digunakan di bahagian-bahagian yang difikirkan sesuai.

Tidak semua yang kita rancangkan mampu dilakukan dengan sebaik mungkin. Namun usaha ke atasnya perlu dilakukan untuk mengetahui keberkesanannya terhadap sistem yang ada sekarang. Semoga MPKT terus terunggul seperti moto Majlis ini "Membangun Menurut Islam" seterusnya menjadi contoh kepada Majlis Perbandaran yang lain. Insya-Allah.